

Headline	Johan dilantik Pengarah Urusan Kumpulan Tabung Haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	120 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,372
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,115



## Johan dilantik Pengarah Urusan Kumpulan Tabung Haji

**KUALA LUMPUR 30 Jun** - Kerajaan hari ini mengumumkan pelantikan Datuk Johan Abdullah, 59, sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) berkuat kuasa 1 Julai 2016.

Beliau menggantikan Tan Sri Ismee Ismail yang menamatkan perkhidmatannya hari ini setelah berkhidmat lebih 10 tahun di Tabung Haji.

Johan berkelulusan Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Morehead State, Kentucky Amerika Syarikat (AS).

Beliau juga adalah pemegang Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari University Eastern Michigan, Michigan AS.

Sebelum menyertai Tabung Haji sebagai Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif pada 15 Januari 2015, beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIMB



**JOHAN ABDULLAH**

Holdings Berhad (BHB) sejak Mei 2008.

Beliau pernah menyandang beberapa jawatan kanan semasa di Bursa Malaysia Berhad dan mempunyai pengalaman luas dalam kewangan korporat, pasaran modal dan perbankan Islam.